

International Journal of Social Science Research (IJSSR)
 eISSN: 2710-6276 | Vol. 4 No. 1 [March 2022]
 Journal website: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>

POLITIK SARAWAK MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2021

Ahmad Redzuan Mohamad^{1*}, Mohd Rizal Mohd Yaakop^{2*} dan Mohd Azmi Mohd Razif^{3*}

^{1 2} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, MALAYSIA

³ Islamic Science Institute, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, MALAYSIA

*Pengarang penghubung: redzumark@gmail.com; rizaly@ukm.edu.my; azmi@skydatacentre.com

Article Information:

Article history:

Received date : 26 December 2021
 Revised date : 1 February 2022
 Accepted date : 2 March 2022
 Published date : 7 March 2022

To cite this document:

Mohamad, A. R., Mohd Yaakop, M. R., & Mohd Razif, M. A. (2022). POLITIK SARAWAK MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2021. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 9-23.

Abstrak: Semasa penubuhan Malaysia pada 1963, kerajaan negeri Sarawak telah dikuasai oleh parti Perikatan yang mana pada ketika itu terdiri daripada SNAP, PESAKA, BARJASA, dan SCA. Barisan pembangkang pada ketika itu pula terdiri daripada 2 parti iaitu, SUPP dan PANAS. Peristiwa perletakkan jawatan Ketua Menteri Sarawak yang pertama, Stephen Kalong Ningkan pada tahun 1966 telah memperlihatkan SNAP keluar dari Perikatan dan memegang tiket sendiri sebagai pembangkang pada Pilihan Raya 1969. Pada tahun 1970, PANAS dan BARJASA telah bergabung di bawah satu parti iaitu parti Bumiputera. Dengan penggabungan kedua-dua buah parti telah mengabungkan masyarakat Bumiputera Islam yang mendominasi parti ini. PANAS pada masa yang sama parti pembangkang telah mengambil keputusan untuk menyertai Perikatan. Pada pilihan raya umum pada 1969, Perikatan telah diwakili oleh SCA, Bumiputera dan Pesaka manakala pembangkang ketika itu diwakili oleh dua parti iaitu SUPP dan SNAP. Namun selepas PRU 1969, SUPP telah keluar daripada parti pembangkang dan menyertai Barisan Nasional dan ini menyebabkan situasi politik pembangkang menjadi agak malap selepas itu. Pada pilihan raya 1995 dan 1999, sebuah lagi parti telah menyertai BN iaitu BPDS. Sehingga 2017, parti BN Sarawak diwakili oleh 4 parti iaitu PBB, SUPP, PRS dan SPDP. Parti pembangkang di Sarawak sejak dahulu lagi terdiri daripada kalangan parti tempatan. Di antara parti pembangkang yang pernah bertanding dalam senario politik Sarawak dalam menentang BN adalah PBDS, SAPO, PAJAR, UMAT, dan PNRS. Pada pilihan raya 1982 juga menyaksikan

	<p><i>penglibatan parti pembangkang dari Semenanjung, iaitu DAP dan seterusnya diikuti parti PERMAS. Namun parti PERMAS gagal memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya 1990.</i></p> <p>Kata kunci: Pilihanraya Negeri Sarawak, Isu Politik Sarawak, Parti gabungan Sarawak.</p>
--	--

1. Pengenalan

Semasa penubuhan Malaysia pada 1963, kerajaan negeri Sarawak telah dikuasai oleh parti Perikatan yang mana pada ketika itu terdiri daripada SNAP, PESAKA, BARJASA, dan SCA. Barisan pembangkang pada ketika itu pula terdiri daripada 2 parti iaitu, SUPP dan PANAS. Peristiwa perletakkan jawatan Ketua Menteri Sarawak yang pertama, Stephen Kalong Ningkan pada tahun 1966 telah memperlihatkan SNAP keluar dari Perikatan dan memegang tiket sendiri sebagai pembangkang pada Pilihan Raya 1969.

Pada tahun 1970, PANAS dan BARJASA telah bergabung di bawah satu parti iaitu parti Bumiputera. Dengan penggabungan kedua-dua buah parti telah mengabungkan masyarakat Bumiputera Islam yang mendominasi parti ini. PANAS pada masa yang sama parti pembangkang telah mengambil keputusan untuk menyertai Perikatan. Pada pilihan raya umum pada 1969, Perikatan telah diwakili oleh SCA, Bumiputera dan Pesaka manakala pembangkang ketika itu diwakili oleh dua parti iaitu SUPP dan SNAP. Namun selepas PRU 1969, SUPP telah keluar daripada parti pembangkang dan menyertai Barisan Nasional dan ini menyebabkan situasi politik pembangkang menjadi agak malap selepas itu. Pada pilihan raya 1995 dan 1999, sebuah lagi parti telah menyertai BN iaitu BPDS. Sehingga 2017, parti BN Sarawak diwakili oleh 4 parti iaitu PBB, SUPP, PRS dan SPDP.

Parti pembangkang di Sarawak sejak dahulu lagi terdiri daripada kalangan parti tempatan. Di antara parti pembangkang yang pernah bertanding dalam senario politik Sarawak dalam menentang BN adalah PBDS, SAPO, PAJAR, UMAT, dan PNRS. Pada pilihan raya 1982 juga menyaksikan penglibatan parti pembangkang dari Semenanjung, iaitu DAP dan seterusnya diikuti parti PERMAS. Namun parti PERMAS gagal memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya 1990.

1.1 Era Pemerintah Stephen Kalong Ningkan

Stephen Kalong Ningkan dilahirkan pada 20 Ogos 1920 di Bentong Sarawak. Merupakan Ketua Menteri pertama Sarawak dan berketurunan Iban dan Cina. Stephen Kalong Ningkan telah dilantik pada 22 Julai 1963 sebagai Ketua Menteri oleh Gabenor Sarawak pada ketika itu. Stephen Kalong Ningkan mendapat pendidikan awal di Sekolah St. Augustine dan mula berkhidmat sebagai seorang Pembantu Perubatan di Syarikat Shell Brunei dan ditempatkan di Hospital Kuala Belait. Di awal penglibatan politik beliau, Stephen Kalong Ningkan telah melibatkan dirinya secara aktif dalam persatuan Shell Dayak Club sehingga pada tahun 1968. Sebagai pengasas persatuan ketika itu, beliau telah diberikan kepercayaan untuk menjadi pengerusi kelab tersebut. Tujuan utama penubuhan Shell Dayak Club pada masa itu adalah bertujuan untuk menjaga hak-hak kebajikan pekerja etnik Dayak. Setelah berkhidmat selama hampir 2 tahun dalam Shell Dayak Club, Stephen Kalong Ningkan telah kembali menabur

khidmatnya di tempat asal beliau di Bentong. Pada tahun 1961, beliau telah membentuk Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

Penubuhan SNAP merupakan satu kejayaan paling besar dalam kerjaya politik beliau. Pada tahun 1962, Stephen Kalong Ningkan telah memenangi banyak kerusi pada Pilihan raya tahun itu. Pilihan raya Oktober 1962, telah membuktikan usaha beliau selama ini untuk mendapatkan sokongan rakyat Sarawak terbukti. Beliau memenangi majoriti kerusi yang telah dipertandingkan ketika itu. Sehingga kini, SNAP atau Parti Perikatan Sarawak merupakan parti tertua yang telah dipelopori oleh Stephen Kalong Ningkan dan ianya kini juga lebih dikenali sebagai Barisan Nasional.

1.2 Era Pemerintahan Tawi Sli

Tanggal 24 September 1966, Tawi Sli telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak kedua oleh Gabenor Sarawak Abang Haji Openg pada usianya 54 tahun. Perlantikan Tawi Sli dilakukan setelah pemecatan Stephen Kalong Ningkan kali kedua. Tawi Sli berbangsa Iban dan dilahirkan pada 12 Jun 1912 di Banting Sarawak. Tawi Sli mendapat pendidikan awal di Sekolah St Thomas, Kuching.

Setelah menamatkan pelajaran beliau, Tawi Sli menyumbang khidmat beliau kepada masyarakat dengan menjadi pendidik di salah sebuah sekolah mubaligh di Sarawak. Seorang yang bersifat peramah dan rendah diri sentiasa mendekati dirinya dengan tuhan, Tawi Sli dilihat seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan pemimpin yang penuh dengan nilai kerohanian. Di samping kerjaya beliau sebagai guru, beliau telah mendalami ilmu keagamaan.

Pada 1963, Tawi Sli dilantik sebagai Penghulu dan ini merupakan titik tolak perjuangan beliau dalam politik. Beliau menunjukkan kegigihan dan dedikasi beliau dalam perjuangan politik. Di awal penyertaan beliau, Tawi Sli telah memikul jawatan Setiausaha SNAP cawangan Simanggang (Sri Aman). Namun pada 1966, Tawi Sli telah meletak jawatan di SNAP dan menyertai PESAKA.

Perlantikan pertama Tawi Sli pada 16 Jun 1966 setelah kes Stephen Kalong Ningkan dipaksa untuk dilucutkan jawatan atas tidak persefahaman Ketua Menteri Sarawak yang pertama pada ketika itu pada kerajaan pusat. Tindakan berani Stephen Kalong Ningkan telah menimbulkan kemarahan Tunku Abdul Rahman sehingga beliau mengisytiharkan kerajaan negeri Sarawak sebagai darurat. Tawi Sli pada ketika itu dilihat sebagai berkebolehan bagi menggantikan jawatan Ketua Menteri.

Setelah perlantikan Tawi Sli, beliau meneruskan pentadbiran sedia ada yang ditinggalkan oleh Stephen Kalong Ningkan. Namun selepas 3 bulan pemerintahan Tawi Sli iaitu pada 7 September 1966, pemecatan Stephen Kalong telah ditarik balik. Stephen Kalong telah berjaya membuktikan bahawa beliau tidak bersalah dan beliau ketika itu mahukan jawatan beliau dikembalikan. Perjuangan Stephen Kalong ketika itu tidak hanya berhenti setakat itu. Beliau telah cuba untuk menyakinkan pucuk pimpinan terhadap pendirian beliau. Namun perancangan beliau itu telah disangkal oleh pucuk pimpinan kerana usul tidak percaya dan beliau sekali lagi dilucutkan jawatan.

Pada 23 September sekali lagi Tawi Sli telah mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri Sarawak untuk kali kedua. Seorang pemimpin yang berpengalaman luas, tegas dan sentiasa bersederhana, beliau dilihat mempunyai satu nilai karismatik yang perlu ada pada seorang pemimpin. Tawi Sli berperwatakan lemah lembut dan sentiasa mendengar pendapat dan pandangan orang lain menjadikan beliau seorang tokoh yang disanjung dalam sejarah politik Sarawak. Tawi Sli telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak pada 1970 dan kemudian terlibat dalam bidang bisnes sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1987.

1.3 Era Pemerintahan Abdul Rahman Ya'kub

Abdul Rahman Yaakub dilahirkan pada 3 Januari 1928 di Kampung Jepak, Bintulu merupakan Ketua Menteri Sarawak Keempat setelah perletakan jawatan Tawi Sli pada 7 Julai 1970. Beliau merupakan anak Sarawak yang berbangsa Melanau dan berasal daripada keluarga yang sederhana. Walaupun ayahnya hanya seorang nelayan namun beliau sering memberi dorongan kepada anaknya Abdul Rahman Yaakub untuk mendapatkan ilmu pelajaran yang lebih baik setelah menyedari sifat semulajadi kepimpinan yang ada pada beliau ketika itu.

Abdul Rahman Yaakub mendapat pendidikan awalnya di sebuah sekolah Melayu dan kemudian dihantar ke sekolah Anchi di Miri dan beliau kemudian dihantar ke sekolah Madrasah al Junid di Singapura. Beliau telah diterima menjadi "Native Officer" dan dari itu beliau juga telah dilantik sebagai majistret kelas keempat. Pada tahun 1952, Abdul Rahman Yaakub telah dinaikkan ke Majistret kelas pertama. Oleh kerana semangat beliau yang tinggi, beliau belajar semula dalam masa untuk mendapatkan kelulusan sijil peperiksaannya di St. Joseph's Kuching. Kemiskinan dan kesusahan taraf hidup beliau bukan penghalang bagi beliau untuk mara ke hadapan dan meneruskan perjuangan beliau. Pada tahun 1954, beliau telah mendapat kelulusan dalam bidang Undang-undang dari Universiti Southamton England dan Lincoln's Inn London.

Oleh kerana kecemerlangan dalam pelajaran, beliau telah dilantik sebagai Crown Counsel dan Timbalan Pendakwa Raya (DPP). Ketika itu, penglibatannya di dalam politik semakin ketara. Beliau adalah pengasas Parti Negara dan bertanggungjawab menggubal undang-undang dalam parti tersebut. Minat beliau dalam politik semakin ketara dalam politik apabila pada tahun 1963 beliau mengambil keputusan untuk meletak jawatan dan terlibat secara aktif di Dewan Rakyat.

Sebagai wakil pertama dari Sarawak di Dewan Rakyat, beliau telah diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun 1965 Abdul Rahman Yaakub dilantik menjadi Menteri penuh Tanah dan Galian sehingga tahun 1969. Selepas menang dalam pilihan raya 1969, beliau dilantik pula ke jawatan yang lebih kanan iaitu Menteri Pelajaran. Tugas pertama beliau adalah melaksanakan peralihan bahasa pengantar daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu secara berperingkat peringkat melalui penggubalan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dengan sokongan teguh dan penyeliaan beliaulah Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1970 dan sekolah sains berasrama penuh didirikan di kawasan- kawasan luar Bandar.

Pada Julai 1970, Tun Abdul Razak yang pada itu masih lagi Timbalan Perdana Menteri telah melantik beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak setelah mendapat kebenaran Perdana Menteri. Menyandang jawatan tersebut, Abdul Rahman Yaakub menghadapi tiga ujian utama iaitu menstabilkan politik Sarawak, menstabilkan tahap ekonomi dan menjaga keamanan daripada ancaman komunis. Selama sedekad menjadi Ketua Menteri Sarawak, beliau berjaya

menyelesaikan ketiga-tiga amanah besar tersebut dengan menyediakan satu asas yang teguh bagi Sarawak menikmati keamanan dan pembangunan hingga ke hari ini.

Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Abdul Razak telah melihat kehadiran Abdul Rahman Yaakub sebagai satu misi jambatan bagi Kuala Lumpur dan Sarawak. Ketegangan hubungan dua hala antara kerajaan Federal dan Kerajaan State semasa pemerintahan Stephen Kalong Ningkan memberi satu kesan yang tidak baik. Dengan melihat kesungguhan dalam pentadbiran yang ada pada diri Abdul Rahman Yaakub, Abdul Razak yakin beliau boleh mengalas tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan baik.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Abdul Rahman Yaakub adalah usaha beliau dalam memperbetulkan keadaan politik yang masih tidak stabil setelah ditinggalkan oleh Stephen Kalong Ningkan. Pentadbiran di bawah Stephen ketika itu dilihat sebagai sebuah pentadbiran yang lesu dan tidak mementingkan kemajuan negeri Sarawak. Keadaan masalah perpaduan di Sarawak yang terdiri daripada berbilang suku kaum juga merupakan satu masalah apabila ianya dianggap sangat sensitif tambahan pula parti-parti politik yang ada di Sarawak tidak memainkan peranan bagi memupuk perpaduan bagi menghadapi ancaman komunis.

Dari segi pembangunan ekonomi, ianya dilihat agak terbatas semasa pemerintahan Abdul Rahman Yaakub kerana masalah keselamatan ketika itu amat merunsingkan. Kebanyakan peruntukan kewangan di Sarawak ketika itu lebih tertumpu kepada politik dan keselamatan. Kegiatan ancaman komunis ketika itu menular sehingga tidak terkawal. Kesan yang paling mendalam sepanjang pemerintahan beliau pada 27 Ogos 1970 apabila 12 orang 'border scout'² terkorban dalam serangan hendap komunis. Peristiwa ini telah menyedarkan rakyat Sarawak betapa pentingnya bantuan daripada kerajaan Federal apabila Abdul Rahman Yaakub mohon bantuan keamanan daripada kerajaan Federal. Usahasama ini disambut baik oleh Abdul Razak³ sebagai Timbalan Menteri Malaysia ketika itu.

Dari segi pembangunan politik, satu perubahan agak radikal yang berlaku pada politik Sarawak di awal pemerintahan Abdul Rahman Yaakub. Beliau cuba untuk mengikis corak politik yang ditinggalkan oleh Stephen Kalong Ningkan dan Tawi Sli. Abdul Rahman Yaakub cuba untuk membawa inisiatif dan idea baru dengan memperkenalkan parti yang berteraskan bumiputera dan dinamakan parti bumiputera. Parti ini merupakan gabungan daripada dua parti iaitu Parti Negara dan Parti Berjasa. Kemudian Parti Bumiputera ini digabungkan dengan Parti Pesaka Bumiputera (PBB) dan membentuk parti teras Barisan Nasional Sarawak seperti UMNO di Semenanjung. Abdul Rahman Yaakub ketika itu telah dilantik sebagai presiden parti dan pada ketika itu kepimpinan beliau amat dirasai. Perkembangan politik kesatuan ini telah memberi pukulan hebat kepada erti perpaduan di Sarawak dan ancaman daripada komunis umumnya. Parti Pesaka Bumiputera ini telah memberi kesan kestabilan politik di Sarawak.

1.4 Era Pemerintahan Abdul Taib Mahmud

Taib Mahmud merupakan Ketua Menteri Sarawak yang keempat selepas sedekad pentadbiran Abdul Rahman Ya'kub. Taib Mahmud dilahirkan pada 21 Mei 1936 dan berasal dari Miri, Sarawak. Taib Mahmud berbangsa Melanau Melayu merupakan anak saudara kepada Abdul Rahman Ya'kub. Beliau berasal daripada keluarga miskin telah dijaga dan diberi asuhan daripada Abdul Rahman Ya'kub sejak beliau kecil lagi.

Taib Mahmud mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah St. Joseph di Miri dan seterusnya ke Sekolah Menengah St. Joseph di Kuching. Setelah menamatkan pendidikan awal dan menengah atas nasihat Abdul Rahman Ya'kub, Taib Mahmud meneruskan pelajaran beliau dalam jurusan Undang-undang. Harapan Abdul Rahman Ya'kub terhadap Taib Mahmud ketika itu tidak sia-sia apabila beliau mendapat keputusan yang cemerlang dan layak mendapat biasiswa tajaan Shell. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Adelaide, Australia. Sikap Taib Mahmud yang sentiasa ingin maju ke hadapan telah membuahkan hasil apabila beliau mendapat Ijazah kelas pertama dalam jurusan Undang-undang pada tahun 1960.

Taib Mahmud telah mendirikan rumah tangga bersama Laila Taib yang berketurunan Poland pada tahun 1959. Laila Taib telah meninggal dunia tanggal 29 april 2009 akibat menghadapi penyakit barah. Pasangan ini telah dikurniakan 4 orang anak iaitu Sulaiman, Mahmud Abu Bekir, Jamilah dan Hanifah Hajar. Pada 18 Disember 2010, Taib Mahmud telah mengahwini seorang wanita Lubnan yang berusia awal 30-an.

Kemuncak kerjaya politik Taib Mahmud bermula apabila perletakkan jawatan Sharifah Mordiah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sebandi. Perletakkan jawatan Sharifah pada ketika itu adalah atas kehendak pucuk pimpinan yang mana ketika itu Sharifah turut memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Wanita PBB. Taib Mahmud ketika itu diminta untuk menggantikan Hussein Onn sebagai Menteri Wilayah kedua sebelum beliau di arah kembali ke Sarawak. Taib Mahmud dalam masa yang sama telah di calonkan dalam Pilihanraya kecil Sebandi bagi menggantikan Sharifah Mordiah. Pada Pilihanraya 1979, ternyata Taib Mahmud telah memenangi kerusi Sebandi tanpa bertanding.

1.5 Analisa Politik Pembangunan Sepanjang Pemerintahan di Sarawak

Kini Sarawak telah mencapai kemerdekaan ke-50 tahun. Sarawak yang dilihat sebagai sebuah negeri yang mempunyai keluasan terbesar di Malaysia kira-kira 124, 449.51km² mempunyai keunikan kepelbagaian etnik sebanyak 27 suku kaum etnik dan ini merupakan satu cabaran terbesar dalam sistem pentadbiran di Sarawak. Sistem pentadbiran Sarawak dilihat telah melalui pelbagai fasa pembangunan bermula zaman penjajahan British lagi. Namun kepimpinan yang telah dibawa oleh pucuk pimpinan Sarawak mampu membuktikan Sarawak merupakan sebuah negeri yang berdaya saing.

Kelangsungan pencapaian pembangunan di Sarawak tidak dinafikan atas dorongan kerajaan Federal. Kerjasama antara dua kerajaan lebih menfokuskan bagaimana untuk memberi keseimbangan antara pentadbiran kawasan pedalaman luar bandar dan bandar. Banyak usaha yang telah dilakukan yang mana untuk memastikan dari sudut politik, sosial dan ekonomi Sarawak tidak ketinggalan.

Di awal pembangunan Sarawak, masyarakat setempat hanya bergantung dengan pertanian tradisional seperti lada, getah dan hasil laut. Dari sistem pendidikan, tenaga pengajar juga berhadapan masalah penempatan yang jauh ke pedalaman dan ini menyebabkan tenaga pengajar yang ada adalah terhad. Tahap pendidikan anak-anak di kawasan pedalaman juga mengalami pencapaian agak rendah berikutan kekangan yang dihadapi oleh mereka bagi mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna. Namun permasalahan yang wujud ini mula diperbaiki dari masa ke semasa yang mana kita boleh lihat bagaimana gelombang pembangunan Sarawak mula ke arah pembangunan mapan.

Politik pembangunan yang dibawa oleh setiap pucuk pimpinan yang memerintah Sarawak mempunyai corak pentadbirannya tersendiri. Di awal pemerintahan Stephen Kalong Ningkan dapat dianalisis sebagai pembangunan yang agak sederhana kerana tempoh masa pemerintahan beliau selama 3 tahun memberi kekangan kepada corak pembangunan. Tambahan pula, ketika itu Stephen Kalong Ningkan berhadapan dengan konflik pemerintahan yang mana berlaku campurtangan kerajaan Federal. Isu yang dibawakan oleh Stephen Kalong Ningkan memberi kesan kepada pembangunan di Sarawak apabila kerajaan Federal enggan menyalurkan sebarang bantuan kepada kerajaan negeri. Konflik dalaman ini juga turut memberi kesan kepada pemerintahan beliau apabila kerajaan Federal mula hilang kepercayaan kepada Stephen Kalong Ningkan.

Perlucutan jawatan Ketua Menteri Stephen Kalong Ningkan digantikan oleh Tawi Sli untuk kali kedua memberi peluang kepada pucuk pimpinan yang baru dalam Sarawak. Politik pembangunan yang cuba dibawa oleh Tawi Sli ketika itu juga hanya kurang memberi kesan kepada pentadbiran di Sarawak. Hal ini kerana, pentadbiran beliau selama 3 tahun yang hanya meneruskan pentadbiran Stephen Kalong Ningkan kurang memberi kesan kepada pembangunan di Sarawak. Pada tempoh tersebut kerajaan Federal mulai berhati-hati dengan pentadbiran di Sarawak kerana bimbang akan peristiwa pemberontakkan Ketua Menteri Sarawak pertama berulang kembali.

Kepimpinan seterusnya telah memberi satu warna baru kepada politik pembangunan di Sarawak. Ketua Menteri Sarawak ketiga, Abdul Rahman Ya'akub merupakan calon pemimpin pilihan kerajaan Federal bagi menjalankan pelaksanaan pentadbiran di Sarawak. Politik pembangunan beliau ketika itu memberi satu anjakan perubahan kepada pemerintahan di Sarawak. Abdul Rahman Ya'akub mempunyai pengalaman yang luas dari penglibatan aktif beliau di kerajaan Federal. Politik pembangunan yang dibawakan beliau jelas dilihat apabila beliau berjaya mengawal sistem keselamatan di Sarawak ketika itu. Sarawak pada era pemerintahannya berdepan dengan ancaman Komunis yang agak teruk namun pentadbiran beliau membuktikan "strategic method" mampu mengurangkan masalah tersebut. Namun pembangunan yang dilaksanakan oleh beliau dilihat tidak seimbang kerana kurang menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan politik di Sarawak. Tahap ekonomi masyarakat Sarawak masih di tahap yang rendah. Abdul Rahman Ya'akub ketika itu menggunakan sejumlah besar peruntukkan untuk mempertahankan keselamatan Sarawak dan dalam masa yang sama kebajikan rakyat Sarawak tidak terjaga. Keadaan ekonomi yang agak lemah ketika itu memberi kesan kepada sistem politik yang dilihat kurang efisien.

Ketua Menteri Sarawak keempat iaitu Taib Mahmud membawa satu gelombang pembangunan agak berbeza. Beliau cuba memperbetulkan sistem pembangunan yang telah dibawa oleh Abdul Rahman Ya'akub. Keadaan kesihatan Abdul Rahman Ya'akub ketika itu memberi ruang untuk anak buahnya Taib Mahmud untuk meneruskan legasi pemerintahan beliau. Semasa pemerintahan Abdul Rahman Ya'akub beliau kurang menekankan pembangunan ekonomi dan sosial dan ini telah ditambah baik semasa pemerintahan Taib Mahmud. Beliau telah memberi satu corak pembangunan yang berlandaskan kepada kestabilan politik, permuafakatan, kemakmuran dan pembangunan rakyat yang sama rata dan ini turut dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di Sarawak.

Semasa di bawah pentadbiran Taib Mahmud, Sarawak mengalami tiga fasa perubahan iaitu bermula daripada pelaksanaan dasar Politik Pembangunan dan disusuli gelombang pembangunan dikenali sebagai “The New Reality” dan kini SCORE (Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak). Politik pembangunan yang dibawa Taib dalam abad ke-21 ini lebih tertumpu kepada memastikan Sarawak menjadi negeri maju menjelang 2020 terutama melalui program Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score) yang dilancarkan pada tahun 2008. Taib Mahmud melihat fokus utama yang perlu ada dalam pembangunan politik di Sarawak adalah keperluan untuk mentransformasikan Sarawak menjadi sebuah negeri yang berpendapatan tinggi. Taib Mahmud telah mencipta satu legasi yang memberi impak positif dalam pembangunan negeri Sarawak dan memanfaatkan rakyatnya untuk terus mengesakan kemajuan pada masa depan.

1.6 Kepimpinan Karismatik Pucuk Pimpinan di Sarawak

Kepimpinan karismatik adalah gaya kepimpinan yang dimiliki oleh pemimpin yang mempunyai kekuatan luar biasa dan pengaruh besar terhadap politik dan negara. Aura kepimpinan yang dimiliki Stephen Kalong Ningkan mampu memberikan inspirasi kepada masyarakat Sarawak. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berani untuk bersuara tanpa memikirkan kesan tindakan beliau. Karismatik di dalam diri Stephen Kalong Ningkan menyebabkan masyarakat kaum Iban merasakan beliau mampu mewakili suara bumiputera dalam memperjuangkan isu hak tanah Sarawak yang dijadikan isu.

Semasa era pemerintahan Tawi Sli, beliau dilihat mempunyai aura karismatik nya sendiri. Merupakan seorang guru dan paderi memberi satu gambaran bahawa beliau merupakan pemimpin pilihan rakyat dan bersifat senang untuk didekati rakyat. Abdul Rahman Ya'akub mempunyai sifat karismatik yang lain dari pemimpin sebelum ini. Mempunyai keperibadian yang cermat dan jelas menyebabkan beliau di hantar kembali ke Sarawak untuk meneruskan tanggungjawab Ketua Menteri Sarawak ketiga. Kepimpinan beliau mula terserlah apabila beliau mampu merancang strategi untuk memerangi ancaman komunis dengan jayanya. Perkembangan pembangunan yang dibawa oleh Abdul Rahman Ya'akub memperlihatkan corak pentadbiran beliau boleh diterima oleh rakyat.

Revolusi yang dibawa semasa era kepimpinan Taib Mahmud telah jelas melihat bagaimana nilai karismatik beliau dalam menarik kembali sokongan rakyat. Pengikut Taib Mahmud sentiasa mengikut aliran pentadbirannya dan memastikan pembangunan Sarawak dilakukan seperti yang dirancang. Aura kepimpinan beliau amat kuat sehingga pembangunan yang dibawanya memberi inspirasi kepada Ketua Menteri kerajaan lain. Personaliti beliau yang unik mencerminkan dirinya yang tegas namun sederhana dalam mendekati rakyat. Beliau sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dengan menyediakan pelbagai prasarana bagi memastikan kebajikan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan. Sikap beliau yang optimis dan semulajadi menjadikan beliau tidak cepat melatah apabila menerima pelbagai ancaman dan kritikan daripada masyarakat luar.

2. Pemasalahan Kajian

Berdasarkan kepada faktor-faktor diatas, penyelidik membuat kesimpulan bahawa permasalahan utama kajian ini adalah bagaimana kepimpinan politik telah mencorak kelangsungan politik dalam pilihan raya sarawak 2021.

Sarawak justeru memberi kesan kepada PRN 2021. Di sebalik kedudukannya sebagai 'kuasa penentu' Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), Barisan Nasional (BN) Sarawak hanya sekadar selesa dengan 19 kerusi dimenangi dalam keputusan diumumkan. Ia menyaksikan parti itu tewas di enam kerusi dikuasainya pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), masing-masing di Mas Gading, Puncak Borneo, Lubok Antu, Saratok, Julau dan Selangau. Namun, ia disifatkan sebagai keputusan amat mengejutkan kerana BN Sarawak sebelum ini menyatakan keyakinan mampu menyumbang sekurang-kurangnya 28 hingga 29 kerusi. Keputusan PRU-14 turut menyaksikan Presiden SUPP, Datuk Dr Sim Kui Hian yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak tumbang di Stampin, menyaksikan kemenangan besar Pengerusi DAP Sarawak, Chong Chieng Jen. DAP turut mengekalkan penguasaan empat kerusi iaitu Bandar Kuching, Lanang, Sibu dan Sarikei, selain menawan kawasan majoriti Bumiputera pertama mereka, Mas Gading. Sementara itu, PKR, yang pada PRU-13 hanya memenangi satu kerusi di Miri, menambah tiga lagi kerusi dalam pilihan raya kali ini.

Selain mengekalkan penguasaan di Miri melalui calonnya, Dr Michael Teo, PKR turut menang di Puncak Borneo (Willie Mongin), Saratok (Ali Biju), Selangau (Baru Bian).

Malah, keputusan pilihan raya kali ini cukup mengejutkan calon 'underdog' yang bertanding atas tiket Bebas, Jugah Muyang, berjaya memenangi kerusi Lubok Antu dalam pertembungan tiga penjur dengan Robert Pasang Alam (BN) dan Nicholas Bawin (PKR). Hasil dari keputusan Pilihan Raya 14 Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) bersama 3 parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak meninggalkan gabungan itu untuk membentuk pakatan baru dinamakan Gabungan Parti Sarawak (GPS).

3. Skop Penyelidikan

Skop penyelidikan ini memfokuskan kepada jangka waktu sebelum dan selepas PRN 2021. Kawasan penyelidikan ialah Sarawak secara khususnya. Penglibatan Adenan Satem dalam kelansungan politik nasional juga turut dirujuk kerana mempunyai kaitan dengan perannya dalam kelansungan politik di Sarawak. Penglibatan politik Sarawak dilihat unik dan mempunyai bentuk dan implikasi kepimpinan yang tersendiri.

4. Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif:

1. Menganalisis keberkesanan corak pentadbiran Abang Johari menerusi pola keputusan PRN 2021. Pentabiran sejak Februari 2014 yang lalu memperlihatkan beliau perlu berusaha lebih untuk menarik sokongan daparida masyarakat setempat memandangkan keputusan PRU 2013 berlakunya penurunan arah sokongan sebanyak 10%. Ianya terbukti ketika PRN 2016 yang lalu telah menampakkan corak sokongan positif daripada masyarakat Sarawak. Dengan adanya tampuk pentadbiran baru, pandangan dan arah sokongan semasa perlulah di ambil kira. Abang Johari telah diberikan kepercayaan yang tinggi oleh Pehin Sri Taib Mahmud untuk menerusi legasi beliau. Personaliti beliau yang agak menarik minat ramai

- pengundi muda. Pendekatan beliau yang mesra rakyat turut memberi satu impak yang tinggi kepada arah sokongan beliau.
2. Tujuan kedua kajian dijalankan ialah untuk mengkaji pola sokongan pelbagai etnik dalam PRN 2021. Dengan adanya kepelbagaian dasar yang mengambil kira semua lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, ingin melihat sejauh manakah ianya memberi impak sokongan kepada masyarakat berbilang etnik di Sarawak. Adenan Satem yang merupakan Ketua Menteri pertama berbangsa Melayu dan sangat ramah sering menarik perhatian kaum bukan Melayu kerana sikap beliau yang begitu terbuka dan tidak berat sebelah. Kepetahan beliau dalam bertutur pelbagai Bahasa ibunda etnik di Sarawak mampu menarik minat masyarakat setempat yang sememangnya mahukan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat.
 3. Tujuan ketiga adalah mengenalpasti dasar dan manifesto baru yang diperkenalkan oleh kerajaan Sarawak pada PRN 2016. Dasar-dasar baru yang telah dibawakan oleh beliau dilihat memberi impak yang sangat tinggi. Hal ini kerana, beliau sering menekankan kepentingan rakyat. Beliau melihat setiap pembaharuan yang dilakukan mampu meringankan beban rakyat. Sebagai contoh penghapusan tol di Sarawak dan memberi peluang pekerjaan kepada para siswazah yang menganggur. Tindakan beliau ini telah membuka mata pelbagai lapisan masyarakat di Sarawak dan telah memberi kesan impak sokongan yang sangat baik.

5. Kesignifikan Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat kesan dan impak kepimpinan yang dibawa oleh Abang Johari dalam kelansungan pentadbiran politik beliau dan kesannya kepada keputusan PRN 2021. Setakat ini kepimpinan beliau telah banyak membawa tranformasi pembaharuan dalam pentadbiran negeri Sarawak. Kewibawaan dan keunikan gaya kepimpinan yang ada pada diri beliau membuktikan Abang Johari seorang pemimpin yang berkaliber dan berjiwa rakyat kerana dapat memberi gelombang politik yang berlainan. Pemimpin Veteran ini membuktikan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang politik. Penglibatan politik beliau yang hamper mencecah puluhan tahun merupakan satu titik kemahiran beliau dalam mencorak politik di Sarawak. Beliau yang merupakan anak jati Sarawak mempunyai visi dan misi yang luas. Pengalaman beliau yang luas ini tidak pernah jemu memberi khidmat kepada masyarakat Sarawak menyebabkan beliau diangkat sebagai pemimpin yang disanjung di negeri itu. Latar belakang beliau dan pengalaman beliau telah mencerminkan dasar pemerintahan beliau sekarang. Penyelidik juga melihat bagaimana Abang Johari juga cuba untuk menarik kembali kepercayaan masyarakat yang berbilang kaum untuk bersatu tanpa wujudnya sebarang isu perkauman di Sarawak.

5.1 Isu Sensitiviti Politik

Adalah penting bagi peneraju yang memimpin Sarawak dalam menitik beratkan sensitiviti politik dan juga kebebasan beragama, bagi memastikan kestabilan politik dan keharmonian masyarakat setempat. Antara inisiatif kerajaan negeri Sarawak dalam memantau dan menjamin keharmonian sensitiviti beragama adalah penubuhan Unit For Other Religions (UNIFOR) yang telah ditubuhkan pada 27 April 2017, sebagai unit baharu di Jabatan Ketua Menteri di bawah portfolio Timbalan Ketua Menteri Sarawak Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas (JKM, 2021).

Penubuhan UNIFOR sebagai agensi Kerajaan Negeri adalah cetusan idea bekas Ketua Menteri Sarawak Pehin Sri Adenan Satem yang bertanggungjawab mengawal selia dasar bagi menggalakkan keharmonian antara agama di samping menilai, mencadangkan dan menggubal dasar, undang-undang dan peraturan berkaitan agama lain di Sarawak.

Ini juga menjadikan signifikan kerjasama politik antara GPS dan parti gabungan Perikatan Nasional. Namun begitu ia adalah bukan gabungan tetapi penambahan. Ahli Parlimen Petra Jaya menambah juga bahawa parti GPS di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg jelas mengatakan kerajaan persekutuan adalah 'PN Plus GPS' (Utusan Borneo, 2020).

“Kita bukan sebahagian daripada PN, GPS adalah GPS, perjuangan GPS jelas meletakkan keutamaan Sarawak dan hak Sarawak akan kita perjuangkan termasuk hak kebebasan agama untuk menjaga keharmonian serta kestabilan kerukunan dalam kehidupan rakyat Sarawak.”

Sebelum ini telah berlaku isu-isu yang menyentuh sensitiviti beragama dan juga kaum di negeri Sarawak yang mampu menjejaskan status keharmonian antara masyarakat di negeri itu. Sebagai salah satu isu terbesar dalam kebebasan beragama adalah berkaitan dengan isu Kalimah Allah. Isu ini telah dimanipulasi dan dipolitikkan bagi meraih sokongan antara pihak yang bersetuju mahupun tidak bersetuju dengan isu ini. Sarawak telah dijadikan bukti dalam modal politik sesetengah pihak:

Pada 6 Mei 2011, DAP merancang untuk menjadikan Kristian sebagai agama rasmi di Malaysia di dalam Ikrar Pertemuan Paderi-Paderi Kristian di sebuah hotel di Jalan Macalister, Pulau Pinang. Makan malam tersebut meraikan lebih 100 paderi Kristian yang memainkan peranan di dalam Pilihan raya Negeri Sarawak April 2011. Namun, kenyataan terbabit dinafikan oleh Ahli Parlimen Jelutong Jeff Ooi bahawa beliau menganjurkan satu majlis pertemuan paderi dari seluruh negara yang didakwa turut membincangkan agenda menjadikan Kristian sebagai agama rasmi Persekutuan sekali gus melantik Perdana Menteri dalam kalangan penganut agama itu. Menurut wakil rakyat DAP itu, beliau hanya menghadiri majlis kesyukuran yang diadakan secara tertutup untuk paderi-paderi tersebut di sebuah hotel di Jalan Macalister hanya sebagai tetamu. Pada tarikh 3 Ogos 2011, umat Islam Malaysia digemparkan dengan insiden kemurtadan golongan Islam dalam acara Thanks Giving Dinner Program Itenary yang berselindung di sebalik majlis berbukapuas anjuran Dream Centre di Damansara Utama Methodist Church (DUMC) Petaling Jaya, Selangor di mana seramai 12 orang umat Islam dimurtadkan.

Nurul Izzah Anwar, Ahli Parlimen Lembah Pantai yang juga sebagai Naib Presiden Keadilan bersama Dr Mujahid Rawa dari PAS telah mencetus isu polemik pada 3 Ogos 2012 apabila menyatakan kebebasan beragama sepatutnya dinikmati juga oleh umat Islam untuk memilih mana-mana agama tanpa paksaan. Ucapan beliau di dalam sebuah forum bertajuk 'Negara Islam Versi Mana Siapa Bertanggungjawab?' di Gereja Gospel Tabernacle, Subang Jaya. Menjelang hari Krismas pada 24 Disember 2012, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menggesa Kerajaan membenarkan masyarakat bukan Islam menggunakan kalimah Allah di dalam Bible versi Bahasa Melayu melalui Perutusan Sempena Sambutan Krismas 2012. Namun, Setiausaha Politik beliau, Zairil Khir Johari menjelaskan yang dimaksudkan oleh Lim Guan Eng adalah untuk penggunaan Bible di Sabah dan Sarawak kerana ia telah lama digunakan di sana.

Pada 2 Mei 2013, bekas Ketua Pemuda UMNO Bagan, Datuk Dr Shaikh Hussein Mydin mendedahkan kewujudan gerakan yang mengedarkan Bible setebal 65 muka surat berbahasa Melayu yang mempunyai kalimah Allah di Pulau Pinang. Bible berkenaan yang diterbitkan di Amerika Syarikat diedarkan kepada fakir miskin disekitar pusat bandar Pulau Pinang di dalam bungkus makanan (Utusan Online 2013).

Pada keesokan harinya 4 Mei 2013, Persatuan Muka Buku Pulau Pinang (PMBPP) telah tampil membuat laporan polis berhubung isu ini. Pengerusinya, Mohd. Salleh Ismail berkata, bahasa Melayu yang digunakan dalam Bible berkenaan bukan bahasa Melayu Indonesia, Sabah atau Sarawak tetapi bahasa Melayu Semenanjung dengan kod bahasa yang tertera merujuk kepada bahasa Melayu, Johor dan Melaka. Mohd Salleh dalam pada itu menambah, pada Ahad 28 April 2013, ahli persatuannya didatangi seorang lelaki India Muslim ketika di Padang Kota Lama dan lelaki itu memberikan Bible yang diperolehnya (Utusan Online 2013).

Pada 24 Januari 2014, mantan Perdana Menteri Tun Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan menggesa kerajaan mengembalikan keputusan asal yakni membenarkan kalimah Allah dalam Bible berbahasa Melayu digunakan penganut Kristian di Sabah dan Sarawak sahaja. Kenyataan ini dikritik Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad pada hari berikutnya dalam Sinar Harian Online. Beliau menyifatkan pendirian Tun Dato' Sri Dr Mahathir itu sebagai tidak konsisten, bagaimana boleh berbeza Allah di Semenanjung dengan Allah di Sabah dan Sarawak? Menurut beliau, larangan itu sepatutnya perlu bersandarkan kepada hukum dan perundangan Islam dan bukan hanya mengikut kawasan tertentu sahaja, melainkan untuk menjaga kepentingan umat Islam.

Dalam petikan The Malaysian Insider pada 17 Jun 2014 yang bertajuk 'Kristian Sarawak tuntutan pihak berkuasa Islam Selangor dilarang masuk Bumi Kenyalang' iaitu tentang insiden perampasan Bible versi bahasa Melayu dan Bahasa Iban oleh pihak berkuasa agama Islam Selangor. Kejadian tersebut mencetus kemarahan penduduk Kristian Sarawak dan mahu pegawai rasmi MAIS dan JAIS terutama Pengerusi MAIS, Datuk Mohd Adzib Mohd Isa perlu di senarai hitamkan masuk ke negeri itu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 mengatakan bahawa rakyat Semenanjung Malaysia memerlukan dokumen identiti perjalanan untuk memasuki Sarawak dan Sabah kerana mereka melabelkan pegawai rasmi MAIS dan JAIS sebagai ekstremis agama walaupun daripada negeri berlainan (Desmond Davidson, 2014).

Naib Pengerusi PKR Sarawak, See Che How dan juga beberapa pemimpin Kristian membuat laporan polis terhadap MAIS dan JAIS kerana enggan menyerahkan Bible yang dirampas JAIS daripada PBM pada 2 Januari 2014 yang lalu. Bible yang mengandungi perkataan Allah tersebut diperuntukkan untuk kegunaan Sabah dan Sarawak mengikut terma Perjanjian 10 Perkara yang membenarkan Bible berbahasa Melayu diimport (Azyyati Ahmad, 2014). Aksi kemarahan semakin memuncak apabila MAIS dan juga JAIS tidak mahu memulangkan 321 Bible yang dirampas apabila diarahkan oleh Pejabat Peguam Negara.

Pada 23 Jun 2014, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan muktamad terhadap rayuan Gereja Katolik untuk menggunakan kalimah Allah dalam akhbar mingguan The Herald. Hakim-hakim yang bersidang terdiri daripada Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria, Presiden Mahkamah Rayuan Hakim Tan Sri Md Raus Sharif, Hakim Besar Malaya Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinuddin, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri Richard Malanjum. Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria yang mempengerusikan panel tujuh hakim mencapai keputusan majoriti, iaitu dari tujuh hakim yang bersidang empat menolak dan tiga menyokong

menggunakan kalimat Allah oleh The Herald, keputusan muktamad majoriti empat-tiga bermakna Gereja Katolik tidak dibenarkan untuk membuat rayuan lagi (The Star, 2014).

5.2 Isu Kepimpinan dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya DUN 2021

Pilihan Raya DUN 2021 berlaku dalam suasana COVID-19. Kempen dilihat agak suram berbanding dalam pilihan-raja pilihan-raja sebelum ini di mana ia bagaikan festival yang disambut oleh semua parti politik. Namun suasana COVID dengan larangan Dari KKM dengan memastikan SOP dalam Pilihan Raya dipatuhi. Parti-parti dilarang untuk melakukan ceramah secara bersemuka dan perhimpunan fizikal kecuali berapa DUN sahaja dibenarkan atas alasan komunikasi internet yang terbatas. Parti-parti Politik digalakkan berkempen secara Maya menggunakan media sosial seperti internet dan Media elektronik seperti televisyen dan radio. Calon seperti Baru Bijan misalnya kerap keudara dalam selingan di rancangan Astro misalnya. Media sosial seperti Facebook, Instagram dan tik-tok turut digunakan sepenuhnya. Antara isu-isu yang sering dikemukakan berkisar tentang kepimpinan politik Abang Zohari di Sarawak, dan isu berkaitan pembangunan infrastruktur negeri Sarawak. Walaupun isu Covid-19 adalah dominan, ia tidak dimainkan secara rancak dalam kempen-kempen Pilihan Raya. Salah satu isu pembangunan yang sering dimomokkan oleh parti-parti yang bertanding ialah berkaitan idea untuk membina LRT Dari Kuching ke Serian. Idea itu sungguhpun gah dipandang mata oleh Abang Zohari namun ditempelak oleh parti lawan sebagai membazir dan tidak realistik.

Tinjauan penyelidik di DUN Semariang lebih kurang seminggu bermula 14 hingga 18 Desember menyaksikan pertandingan sengit antara calon Sharifah Sahidah Syed Aman melawan Abang Halil dari parti Amanah. Beliau menang besar dengan majoriti 10,283 undi. Kemunculan Parti Amanah kali ini disambut baik oleh pengundi Sarawak berbanding PAS Dan Keadilan dalam Pilihan Raya sebelumnya. Namun jika dibandingkan parti Keadilan lebih besar tentangan berbanding Amanah di mana itu kepada calon Hasidah iaitu Sharifah Mordiah ditentang kuat oleh parti lawan. Kemenangan Hasidah lebih berdasarkan faktor kepimpinan yang diwarisi dari ibunya. Tambahan lagi beliau amat menekankan aspek kekeluargaan dan kebajikan dalam kempennya.

Berdasarkan pemerhatian kurangnya poster dan bendera dipasang di DUN ini kecuali di beberapa kawasan seperti di bulatan jalan raya dan di kampung antara kampung Gersik Dan Bintawa sepanjang Sungai Sarawak. Penyelidik turut menyaksikan hal yang sama di kawasan tarikan ramai seperti di Telaga Air yang menjadi tumpuan ramai untuk makan makanan laut. Perang bendera oleh GPS dan Amanah dilihat sama kuat dengan bendera-bendera parti dipasang berdampingan satu sama lain. Buat pertama kali dalam Pilihan Raya Sarawak menyaksikan bendera warna Oren Amanah dipasang di sana sini. Bajet kempen juga dapat dikurangkan oleh parti yang bertanding dari menggunakan wang untuk kempen fizikal kepada kempen Maya. Justeru ramai yang ke udara di siaran TV untuk berkempen dan lebih ramai juga yang menggunakan media sosial.

Pada Sabtu 18 Disember 2021, PRN Sarawak telah selesai dan undi dikira. Laporan telah menyatakan keputusan secara langsung Parti GPS menang di 76 DUN, PSB 4 dan PH 4.

GPS menggantikan BN sebagai pendeposit tetap dalam Pilihan Raya seiringan dengan pembubaran BN pada tahun 2018. DUN Sarawak ada 86 kerusi iaitu kedua terbesar selepas parlimen. Pada Pilihan Raya 2016 BN menang 76 kerusi di bawah kepimpinan Adnan Satem. Keputusan kali ini tak jauh bezanya dengan sebelumnya. Kekuatan kepimpinan di Sarawak menjadi nadi utama dalam kemenangan Pilihan Raya.

6. Penutup

Isu kepimpinan dan pembangunan masih relevan dalam Pilihan Raya Sarawak. GPS menang besar kesan kempen isu kepimpinan yang kuat berbanding isu Covid itu sendiri. Masalah pandemik telah diurus dengan baik oleh pimpinan Sarawak. Sebagai contoh pengunjung luar perlu mengisi secara atas talian Sarawak Entry Dan e-kesihatan menjadikan kemasukan ke Sarawak oleh orang luar baik untuk berkempem atau lain dapat dikawal secara berkesan. Ini menunjukkan tahap pengurusan yang efektif dirangkakan oleh kerajaan negeri Sarawak, justeru memberikan kepercayaan yang kuat kepada rakyat.

Rujukan

- Azyyati Ahmad. (2015). *Kumpulan Kristian mahu pegawai Mais dan Jais dilarang masuk Sarawak*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kumpulan-kristian-mahu-pegawai-mais-dan-jais-dilarang-masuk-sarawak-37861> (11 Mac 2015).
- Chin, J. (2018). Sabah and Sarawak in the 14th General Election 2018 (GE14): Local Factors and State Nationalism. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 173–192. <https://doi.org/10.1177/186810341803700308>
- Desmond Davidson. (2014). *Kristian Sarawak tuntutan pihak berkuasa Islam Selangor dilarang masuk Bumi Kenyalang*. <http://www.TheMalaysianinsider.com/bahasa/article/kristian-sarawak-tuntut-pihak-berkuasa-islam-selangordilarang-masuk-bumi-kenyalang>.
- Hazis, F. S. (2011). Winds of change in Sarawak politics? *RSIS Working Paper*, 224. *Jangan terjerumus dalam kancah politik berbau perkauman, sentuh sensitiviti agama*. (2020, September 7). Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2020/09/07/jangan-terjerumus-dalam-kancah-politik-berbau-perkauman-sentuh-sensitiviti-agama>
- JKM SARAWAK. (2021). *Laman Web Jabatan Ketua Menteri Sarawak*. Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain. <https://jkm.sarawak.gov.my/UNIFOR>
- Leigh, M. B. (2018). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak 1959-1972*. SIRD.
- Wong, C. E. (2021, November 29). *Clean sweep by GPS achievable*. New Sarawak Tribune. <https://www.newsarawaktribune.com.my/clean-sweep-by-gps-achievable/>
- LANGSUNG keputusan PRN-12 Sarawak. (2021, December 19). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/900541/langsung-keputusan-prn-12-sarawak>
- Online, N. (2018, June 12). *Sarawak parties leave Barisan Nasional to form new coalition [NSTTV]*. NST Online. <https://www.nst.com.my/news/politics/2018/06/379155/sarawak-parties-leave-barisan-nasional-form-new-coalition-nsttv>
- The Malaysian Insider. (2014). *Masyarakat Islam, Kristian perlu faham undang-undang sebelum bahas kalimah Allah, kata bekas hakim*.
- The Star. (2014, Jun 23) CFM: Christians to use Allah except for The Herald Retrieved November 3, 2017, from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2014/06/23/herald-christian-federation-of-malaysia-says-christians-to-use-allah/>
- Utusan Online. (2013). *Wujud gerakan edar bible bahasa Melayu dengan kalimahAllah?* http://ww1.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130503/px/Wujud-gerakan-edar-

Bible-bahasa-Melayu-dengan-kalimah-Allah? (7Mac 2015)
Yaakop, M. R., Mohamad, A. R., Mohd Razif, M. A., Nurdin, I., Seman, A. A., Ali, S. A., & Ali, S. S. (2020). Environmental Knowledge and Politics in Sarawak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11).
<https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i11/8147>.